

31 JAN 2002

Mahathir-SSB

PENDEKATAN BARU SSB PERLU DIHALUSI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 31 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beberapa daripada cadangan pendekatan baru dalam Sistem Saraan Baru (SSB) bagi kakitangan awam perlu dihalusi sebelum sebarang keputusan mengenainya dibuat.

Bagaimanapun Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan kerajaan menerima pakai hasil kajian terhadap SSB dalam tahun ini juga setelah penyelesaian yang sesuai dicapai berhubung perkara-perkara yang dibangkitkan.

Beliau diminta mengulas pertemuannya dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung laporan kajian itu di Putrajaya hari ini.

"Saya telah dengar dengan menyeluruh tetapi ada perkara tertentu yang saya fikir mereka perlu halusi. Jadi belum lagi kita buat keputusan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pasarakyat yang membolehkan golongan petani memasarkan barangan secara terus kepada pelanggan, di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata cadangan JPA berhubung pendekatan baru SSB melibatkan anggaran perbelanjaan kerajaan RM1 billion, tetapi beliau khuatir ia akan melebihi angka itu.

JPA telah menjalankan kajian semula SSB yang dilaksanakan pada tahun 1992, dan laporan mengenainya telah menekankan beberapa pendekatan baru.

SSB diperkenalkan pada 1992 tetapi pelaksanaannya banyak menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan kakitangan kerajaan.

Sementara itu Dr Mahathir juga ditanya tentang pertemuannya dengan dua puak yang bertelagah dalam MCA pada awal minggu ini.

Menurut beliau, kedua-dua pihak menjelaskan masalah yang berlaku dalam parti komponen Barisan Nasional (BN) itu daripada sudut masing-masing dan sebagai Pengerusi BN, adalah menjadi tanggungjawabnya untuk mengetahui keadaan sebenar.

Ditanya sama ada terdapat cadangan beliau menjadi orang tengah untuk mencari penyelesaian kepada masalah MCA, Dr Mahathir berkata: "Ada yang berpendapat saya sebagai Pengerusi BN patut ambil berat tentang perkara ini dan saya sedang menimbangkannya."

Menyentuh kemungkinan MCA mempunyai dua presiden seperti apa yang berlaku berikutan perebutan kuasa dalam Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Dr Mahathir berkata itu hanyalah spekulasi media.

"Seronoklah kalau ada situasi macam PBRS, inilah situasi ideal bagi media," katanya dengan nada sinis.

Ditanya tentang rundingan harga bekalan air yang akan dijual kepada Singapura, beliau berkata sememangnya Malaysia mahukan bayaran yang berpatutan daripada republik itu.

Dr Mahathir berkata sebarang keputusan yang dibuat mengenai perkara itu harus mengambilkira kepentingan negara.

"Walaupun kita ingin berbaik-baik dengan Singapura, tetapi ia tidaklah sehingga kita rugi. Sebab itu kita perlu mengadakan rundingan secepat mungkin," katanya.

Beliau berkata disebabkan rakyat Malaysia sendiri nampaknya telah membangkitkan soal harga air yang dijual dengan murah kepada Singapura, kerajaan perlu membuat penjelasan tentang kedudukan sebenar.

Mengulas mengenai laporan berita asing yang Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka dicalonkan bagi Hadiah Keamanan Nobel, Dr Mahathir berkata:

"Bagus. Hadiah Keamanan Nobel nampaknya bukan hadiah keamanan, ia hadiah

politik.

"Mereka memberikan anugerah, Hadiah Nobel dan sebagainya untuk memastikan mereka ini boleh berbuat apa yang mereka suka dan dilindungi oleh masyarakat umum. Idea itu adalah bagi memastikan berlaku kekacauan dan untuk menggugat kestabilan negara, dan mereka akan berseronok membuat liputan."

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Mahathir menyarankan supaya pihak swasta membina lebih banyak pasar besar yang menyediakan kemudahan kepada golongan petani dan peladang untuk menjual produk mereka kepada orang ramai tanpa perlu melalui orang tengah.

Hasil pertanian di pasar-pasar seumpama itu boleh dijual pada harga yang lebih tinggi berbanding di pasar tani atau pasar malam, katanya.

"Jika konsep ini berkembang, kita akan lihat petani dan peladang hidup lebih baik, para pengguna dapat membeli barangan pada harga berpatutan dan pengusaha pasar mendapat untung sedikit sebanyak.

Dr Mahathir turut mencadangkan supaya golongan petani menggabungkan tanah bagi membolehkan aktiviti pertanian dijalankan secara besar-besaran untuk mendapat pulangan lebih besar.

Beliau turut menyelar sikap segelintir orang tengah yang mengambil untung secara berlebihan.

Pasarakyat yang ditempatkan atas tanah seluas dua hektar berdepan dengan Jalan Imbi di sini, dibuka bertujuan menyediakan saluran pemasaran alternatif bagi petani, penternak, nelayan dan pemproses makanan.

Pengarah Urusan Pasar Rakyat Sdn Bhd Steve Wong berkata idea untuk menubuhkan pasar itu timbul selepas beliau menghadapi masalah dengan orang tengah untuk menjual jagung manisnya yang beliau usahakan atas sebidang tanah di Perak.

-- BERNAMA
MAM MAM PR